



PENGURUSAN PEMANTAUAN KERATAN AKHBAR MBSJ
TARIKH: 26 DISEMBER 2024 (KHAMIS)

MEDIA ELEKTRONIK (AKHBAR ONLINE / TELEVISYEN / RADIO)

BIL	AKHBAR	TAJUK
1.	SELANGORKINI	• Sedia RM15 Juta Agih Tong Sampah • Pelekat Khas Elak Penipuan
2.	MAJORITI 7	• Tak Sampai 1,500 Vendor Ambil Bahagian, Tapak Bazar Ramadan MBSJ Berkurangan Tahun Depan
3.	THE STAR	• Fewer Ramadan Bazaar Sites And Lots For 2025 In Subang Jaya

LAIN-LAIN PBT

BIL	AKHBAR	PBT	TAJUK
1.	SELANGORKINI	MBPJ MPAJ MPS	• MANFAAT KUTIPAN CUKAI TAKSIRAN SENGARA SALIRAN, BAIK PULIH JALAN • PERBAHARUI LESEN SEBELUM 31 DISEMBER • TUTUP OPERASI KILANG KELULI LANGGAR SYARAT

UMUM

BIL	AKHBAR	TAJUK
1.	SELANGORKINI	• PANTAS SELESAI ISU, PEKA ADUAN • WUJUDKAN PERSEKITARAN SELESA PEMBELAJARAN RM285 JUTA BAIKI KEMUDAHAN SEKOLAH • 7,000 SERTAI SARINGAN KESIHATAN • KUTIP 121 TAN SISA PASCABAH
2.	SELANGOR JOURNAL	• CHOCK-FULL OF ACTIVITIES FOR VISIT SELANGOR YEAR 2025 DURING CNY - EXCO

Sedia RM15 juta agih tong sampah

SUBANG JAYA - Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) memperuntuk RM15 juta untuk agihan tong sampah kepada 60,000 unit kediaman bermula tahun depan, kata datuk bandarnya.

Dato' Amirul Azizan Abd Rahim menjelaskan pemberian percuma tong berkapasiti 120 liter dalam dua fasa hingga 2026 itu antara inisiatifnya berikutan kadar baharu cukai taksiran.

"Kita peruntuk RM15 juta yang mana sebagai permulaan RM8 juta untuk tahun depan dan selebihnya pada 2026. Ini antara inisiatif kita untuk seragamkan tong sampah di setiap kediaman.

"Inisiatif ini bermula di kediaman yang berdaftar terlebih dahulu dan mungkin diperluas ke kedai kerana penetapan cukai taksiran baharu tidak beri pendapatan banyak kepada MBSJ," katanya pada 21 Disember.

Pelekat khas elak penipuan

SUBANG JAYA - Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) memperkenalkan pelekat khas bagi program kutipan caj beg plastik bagi mengelakkan penipuan di premis tidak berdaftar berkuat kuasa tahun depan.

Datuk Bandar Dato' Amirul Azizan Abd Rahim memberitahu kes penipuan di premis yang membuat kutipan caj beg plastik secara haram dan tidak berdaftar dengan MBSJ masih berlaku.

"Pelekat khas mula digunakan pada tahun depan bagi mencegah penipuan di tapak serta membantu pengguna mengenal pasti premis yang sah mendaftar dalam program kutipan," katanya pada 20 Disember.

Beliau juga menjelaskan sebanyak RM1 juta kutipan beg plastik direkod dan wang tersebut akan dimanfaatkan untuk pelbagai projek inisiatif hijau serta kempen pemuliharaan alam sekitar.

Manfaat kutipan cukai taksiran

Senggara saliran, baik pulih jalan

Oleh NORRASYIDAH ARSHAD

PETALING JAYA - Projek baik pulih jalan dan penyelenggaraan longkang antara tumpuan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) sepanjang tahun depan.

Datuk Bandar Mohamad Zahri Samingon berkata kerja baik pulih melibatkan taman permainan dan kutipan sampah itu menggunakan tambahan hasil kutipan cukai baharu berkuat kuasa 1 Januari.

"Kita sudah masukkan dalam bajet 2025 berjumlah RM469.1 juta. Kita terima belanjawan tambahan sebanyak RM70 juta susulan kadar cukai baharu.

"Ahli majlis ada buat permohonan dan kita senaraikan. Sekarang kita

kenal pasti projek yang mahu didahulukan yang berasaskan longkang, taman permainan, jalan dan sampah," katanya selepas mesyuarat MBPJ pada 20 Disember.

Selain itu, sebanyak 575 kompaun pembuangan sampah dikeluarkan melibatkan premis dan individu bermula Januari hingga 15 Disember.

Mohamad Zahri menjelaskan empat kenderaan disita dan dua kes dikenakan tindakan mahkamah dalam tempoh berkenaan.

Pada Julai, EXCO kerajaan tempatan mengarah pihak berkuasa tempatan (PBT) menyenaraikan lima projek khidmat awam yang mahu dilaksanakan dalam tempoh 100 hari selepas cukai tafsiran



baharu dikuatkuasakan.

Dato' Ng Suee Lim berkata inisiatif menunjukkan kesungguhan PBT selepas mengenakan kadar baharu sekali gus membolehkan pembayar cukai mengetahui arah tuju bayaran.

Sementara itu, sebanyak

1,260 petak bazar disediakan di 18 lokasi sekitar Petaling Jaya sepanjang Ramadan tahun hadapan dengan 1,070 permohonan setakat 16 Disember.

Mohammad Zahri memaklumkan lima lokasi merekodkan permohonan melebihi tapak iaitu Bazar PJS 2/3 Taman Medan, PJS 1/30 Taman Sri Manja, SS 6/1 Kelana Jaya, Seksyen 4 Kota Damansara dan Pangsapuri Vista Damansara Damai.

SELANGORKINI ONLINE

TARIKH: 26 DISEMBER 2024

Perbaharui lesen sebelum 31 Dis

SHAH ALAM - Sebanyak 1,432 premis perniagaan bawah pentadbiran Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) memperbaharui lesen perniagaan 2025.

MPAJ menerusi kenyataan memaklumkan 1,301 pemilik premis perniagaan memperbaharui lesen melalui Sistem iCOMM dengan kutipan hasil RM1.21 juta.

Sebanyak RM451,383.96 pula diperolehi menerusi pembaharuan lesen 131 premis perniagaan dan 1,131 penjaja di kaunter MPAJ.

"Pemegang lesen perniagaan MPAJ diingatkan supaya memperbaharui lesen bagi mengelakkan caj denda lewat sebanyak RM360 dikenakan sekiranya mereka gagal laksana sebelum 31 Disember ini."

Tutup operasi kilang keluli langgar syarat

GOMBAK - Majlis Perbandaran Selayang (MPS) mengarahkan sebuah kilang memproses keluli di Taman Perindustrian Kuang di sini ditutup serta-merta kerana melanggar syarat operasi lesen.

Timbalan Yang Dipertuanya Adi Faizal Ahmad Tarmizi menjelaskan premis itu didapati melanggar arahan kerana beroperasi di lokasi berbeza, tidak sama seperti dinyatakan dalam lesen.

"Kilang ini sepatutnya beroperasi di premis bernombor 1, tetapi mereka menggunakan premis nombor 6, tidak sama dalam lesen. Ini pelanggaran serius dan lesen dibatalkan serta-merta," katanya pada 18 Disember.

Beliau berkata kilang itu masing-masing dikompaun RM1,000 atas empat kesalahan dan tindakan lebih tegas termasuk penutupan premis dikenakan sekiranya pemilik masih gagal mematuhi syarat.

Pantas selesai isu, peka aduan

GOMBAK - Semua pihak berkuasa tempatan (PBT) negeri ini diharap lebih responsif dan proaktif dalam menerima serta menyelesaikan aduan penduduk, terutama di kawasan perumahan.

Menerusi tinjauan Media Selangor di sekitar daerah ini, penduduk mahu penambahbaikan dibuat susulan kadar baharu cukai taksiran yang akan dikuatkuasakan pada 1 Januari 2025.

Pekerja swasta Jamal Budin, 54, berkata setiap permasalahan tidak kira sama ada kecil atau besar perlu diberikan maklum balas segera demi keperluan dan kesejahteraan penduduk.

"Mengikut pengalaman, saya sendiri

ajukan aduan berkenaan longkang tersumbat dan pengurusan sampah, maklum balas diterima tetapi mengambil tempoh agak lama.

"Cukai taksiran akan naik bermula tahun depan, jadi tahap perkhidmatan tidak boleh lagi berada di takuk lama," katanya baru-baru ini.

Peniaga Faizal Johar, 50, turut berharap PBT lebih bekerja keras dan peka terhadap isu semasa dan permasalahan rakyat, terutama penyelenggaraan sistem perparitan.

"Kadar baharu cukai taksiran tidak menjadi masalah, namun penduduk harap khidmat diperbaharui, ditingkat dan segera selenggara infrastruktur," katanya.

Perunding jualan Jothiswary China-

karuppan, 38, pula mahu PBT menyediakan perkhidmatan efisien, terutama jadual kutipan sampah bagi meningkatkan kualiti hidup rakyat.

"Sistem pengutipan sampah kadangkala tidak mengikut jadual menyebabkan longgokan dan ada penduduk membuang sampah di sungai. Saya harap isu ini dapat diatasi," jelasnya.

Pada 9 Disember, EXCO kerajaan tempatan berkata pemilik harta di Selangor menerima potongan sehingga 75 peratus kadar baharu cukai taksiran berbanding 100 peratus yang sepatutnya dibuat.

Berikutan keputusan itu, Dato' Ng Suee Lim memberitahu mereka hanya perlu membayar 25 peratus daripada keseluruhan kadar kenaikan di semua PBT mulai 1 Januari 2025.



Wujudkan persekitaran selesa pembelajaran

RM285 juta baiki kemudahan sekolah

Oleh SUHAILA SHAHRUL ANNUAR

SHAH ALAM - Lebih RM285 juta disalurkan bagi menampung kos membaik pulih sekolah seluruh Selangor sejak 2009, kata Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari.

Beliau memberitahu pentadbiran negeri mahu memastikan persekitaran pembelajaran dan pengajaran kondusif diambil menerusi inisiatif Program Bantuan Sekolah Selangor.

"Negeri ini harus berpaksi kepada pendidikan. Pendidikan harus jadi

tunjang kepada asas keluhuran jati diri, hinggalah kepada pembangunan yang dilaksanakan.

"Tidak kira sama ada pembangunan itu dalam bidang sukan, kebudayaan atau ekonomi hinggalah kepada modal insan, pendidikan harus menjadi tunjang," katanya pada 19 Disember.

Amirudin dalam majlis penyerahan bantuan tersebut menjelaskan dana berkenaan disalurkan secara menyeluruh kepada semua jenis sekolah demi memastikan kesaksamaan diterap melalui pendidikan.

Sebanyak 825 sekolah menerima peruntukan RM26.5 juta membabitkan sekolah agama rakyat, sekolah kebangsaan dan sekolah menengah kebangsaan.

Manfaat sama turut dinikmati sekolah jenis kebangsaan Cina, sekolah jenis kebangsaan Tamil, sekolah menengah persendirian Cina, sekolah menengah jenis kebangsaan dan sekolah mubaligh.

Sebanyak RM26.5 juta diperuntuk dalam Belanjawan Negeri bagi meneruskan Program Bantuan Sekolah Negeri tahun depan.

SELANGORKINI ONLINE

TARIKH: 26 DISEMBER 2024

7,000 sertai saringan kesihatan

SHAH ALAM - Hampir 7,000 rakyat Selangor menjalani pemeriksaan kesihatan percuma dengan 38 peratus melibatkan penduduk berusia 46 hingga 64 tahun.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari memberitahu pemeriksaan kesihatan gigi percuma pula merekod penyertaan seramai 3,867 orang se-

takat 31 Oktober.

"Bagi melebarkan lagi capaian saringan, Kerajaan Negeri turut melaksanakan program saringan kesihatan khas untuk warga emas.

"Kita yakin inisiatif ini akan terlihat dampak jangka masa panjang terhadap masa depan negeri. Kita harap lebih ramai lagi rakyat mengambil bahagian

dalam saringan percuma ini," katanya pada 17 Disember.

Dalam Belanjawan Selangor 2025, beliau mengumumkan peruntukan RM2 juta bagi meneruskan saringan percuma yang diperkenal sejak 2022 bagi membantu rakyat mengesan penyakit lebih awal terutama individu yang mempunyai sejarah perubatan keluarga.

SELANGORKINI ONLINE

TARIKH: 26 DISEMBER 2024

Kutip 121 tan sisa pascabah

SHAH ALAM - Sebanyak 121.82 tan sisa banjir dikutip Skuad Ihsan Madani sekitar Taman Sri Bayu dan Taman Sri Dalam Rhu di Tumpat dalam operasi pembersihan bermula 17 Disember.

Menurut Unit Pengurusan Bencana Negeri (UPBN), operasi mulai 8 pagi hingga 1 tengah hari melibatkan 11 jentera sampah pukal dengan kekuatan 130 anggota dari pelbagai agensi.

UPBN dalam kenyataan berkata lokasi pembersihan ditentukan Majlis Daerah Tumpat dengan keseluruhan

perjalanan untuk hari pertama dan kedua sebanyak 56.

"Semua petugas Angkatan Pertahanan Awam Selangor, pihak berkuasa tempatan (PBT), KDEB Waste Management (KDEBWM), sukarelawan Selangor (SERVE) dan Team Selangor bersiap untuk berehat.

"Terima kasih kepada semua petugas yang menunjukkan komitmen terbaik bagi menjayakan Skuad Ihsan Madani: Misi #KitaSelangor Penyayang Pascabanjir Kelantan," katanya pada 19

Disember.

Pada 16 Disember, Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata Kerajaan Negeri menggerakkan Skuad Ihsan Madani terdiri daripada anggota PBT dan sukarelawan ke Kelantan bagi operasi pascabah.

Pasukan itu melibatkan 45 jentera antaranya lori tangki dan lori Roro untuk menjalankan kerja pembersihan yang menumpukan pembersihan infrastruktur awam yang terkesan selain rumah penduduk terjejas.

Chock-full of activities for Visit Selangor Year 2025 during CNY — Exco

🕒 December 26, 2024 8:00 am



State executive councillor for local government, tourism, and New Village development Dato' Ng Suee Lim (front, third from left) tossing Yee Sang during the 'Selangor Festive Tourism: A Chinese New Year Experience' sharing session in Setia Alam, Shah Alam, on December 25, 2024. — Picture by AHMAD ZAKKI JILAN/MEDIA SELANGOR

By Sofia Nasir

SHAH ALAM, Dec 26 — A range of exciting events will adorn the calendar for Visit Selangor Year (VSY) 2025 in conjunction with the Chinese New Year celebrations, said state executive councillor for local government, tourism, and New Village development Dato' Ng Suee Lim.

The festivities will highlight cultural arts to attract more local and international tourists.

"We aim to showcase cultural elements as unique attractions for tourists. We want to refine and strengthen our tourism sector further.

"Additionally, for other celebrations like (Hari Raya) Aidilfitri, we will make them even more vibrant and distinctive in line with VSY 2025," he said.

Ng was speaking to *Media Selangor* after participating in the 'Selangor Festive Tourism: A Chinese New Year Experience' sharing session with non-governmental organisations (NGOs), community leaders, and students in Setia Alam yesterday.

He added that the state government plans to upgrade Lorong Gopeng in Klang into a cultural alley, in collaboration with the Klang Royal City Council, NGOs, and private entities for the Chinese New Year.

Moreover, for the first time, the state-level Chinese New Year Open House will be held at the Fo Guang Shan Dong Zen Buddhist Temple in Jenjarom.

"This is the first time we are organising the event at a heritage site, and it will be graced by distinguished guests alongside visitors from various backgrounds," Ng said.

Recently, the state government, via Tourism Selangor, launched the VSY 2025 campaign with the slogan 'Selangor Kan Ada!' and introduced the official mascot, Spark The Firefly.

SELANGOR JOURNAL ONLINE

TARIKH: 26 DISEMBER 2024

Tak sampai 1,500 vendor ambil bahagian, tapak bazar Ramadan MBSJ berkurangan tahun depan

Oleh SITI HAJAR MUHAMMAD (TERJEMAHAN)



Pengurangan tapak bazar Ramadan sebanyak 193 lot dilaksanakan untuk tahun 2025.

TAPAK bazar Ramadan dan lot perniagaan yang ditawarkan oleh Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) akan berkurangan pada tahun depan, berbanding pada tahun ini.

"Untuk 2025, MBSJ akan membuka 21 tapak bazar Ramadan dengan 1,367 lot dagangan," kata Datuk Bandar Subang Jaya, Datuk Amirul Azizan Abd Rahim.

"Bazar-bazar itu akan terletak di lima zon di bawah bidang kuasa MBSJ iaitu enam lokasi di Subang Jaya (277 lot), dua di Kinrara (160 lot), tujuh di Puchong (380 lot), satu di Putra Heights (40 lot) dan lima di Serdang dan Seri Kembangan (510 lot)."

Untuk 2024, MBSJ menawarkan 1,560 lot dagangan di 25 lokasi. Bagaimanapun, hanya 1,168 vendor mengambil lot yang ada.

"Semua peniaga dikehendaki menyediakan pilihan pembayaran alternatif menggunakan kaedah tanpa tunai.

"MBSJ juga akan terus melaksanakan beberapa inisiatif hijau di semua 21 bazar Ramadan," tambah Amirul Azizan.

Ini termasuk mengharamkan penggunaan pembungkusan polistirena dan penyedut minuman plastik serta meneruskan pencegahan sisa makanan dan kempen kitar semula minyak masak terpakai.

Permohonan untuk bazar Ramadan MBSJ sedang berlangsung secara dalam talian sehingga 31 Disember, melalui laman web www.mbsj.gov.my.

Amirul Azizan berkata demikian ketika mempengerusikan mesyuarat lembaga MBSJ Disember di ibu pejabat majlis itu di USJ5, Subang Jaya.

Beliau turut memberi maklumat terkini mengenai kejadian pemilik tanah membenarkan hartanah mereka digunakan sebagai tapak pelupusan haram pada 2021 di Bukit Serdang 5, Seri Kembangan.

"Pada 10 Disember lalu, seorang pemilik tanah mengaku bersalah membenarkan kerja tanah dijalankan tanpa kebenaran sehingga mengakibatkan kejadian pencemaran.

"Hakim Mahkamah Sesyen Petaling Jaya mengenakan denda RM6,000.

"Pendakwaan dilakukan di bawah Seksyen 70A(9) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133), yang membawa hukuman maksimum RM50,000 dan/atau penjara sehingga lima tahun."

Tambahnya, mahkamah setakat ini telah menyabitkan kesalahan terhadap tiga pemilik tanah. — [The Star/JADE CHAN](#)

MAJORITY 7 ONLINE
TARIKH: 26 DISEMBER 2024

Fewer Ramadan bazaar sites and lots for 2025 in Subang Jaya



THERE will be fewer Ramadan bazaar sites and trading lots offered by Subang Jaya City Council (MBSJ) next year compared to this year.

"For 2025, MBSJ will be opening 21 Ramadan bazaar sites with 1,367 trading lots," said Subang Jaya mayor Datuk Amirul Azizan Abd Rahim.

"The bazaars will be located across five zones under MBSJ's purview namely six locations in Subang Jaya (277 lots), two in Kinrara (160 lots), seven in Puchong (380 lots), one in Putra Heights (40 lots) and five in Serdang and Seri Kembangan (510 lots)."

For 2024, MBSJ offered 1,560 trading lots at 25 locations. However, only 1,168 vendors took up the available lots.

"All traders are required to provide an alternative payment option using cashless methods.

"MBSJ also will continue implementing several green initiatives at all the 21 Ramadan bazaars," added Amirul Azizan.

These include banning the use of polystyrene packaging and plastic straws as well as continuing food waste prevention and used cooking oil recycling campaigns.

Application for MBSJ's Ramadan bazaar is ongoing online until Dec 31, via www.mbsj.gov.my

Amirul Azizan said this when chairing MBSJ's December full board meeting at the council's headquarters in USJ5, Subang Jaya.

He also provided an update on the incident where landowners allowed their properties to be used as an illegal dumpsite in 2021 at Bukit Serdang 5, Seri Kembangan.

"On Dec 10, a landowner pleaded guilty to allowing earthworks to be carried out without permission that resulted in the pollution incident.

"The Petaling Jaya Sessions Court judge imposed a fine of RM6,000.

"The prosecution was done under Section 70A(9) of the Streets, Drainage and Building Act 1974 (Act 133), which carries a maximum penalty of RM50,000 and/or up to five years jail."

He added that the court has to date convicted three landowners. — By JADE CHAN

THE STAR ONLINE

TARIKH: 26 DISEMBER 2024